



HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL

Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1972-2008: Menjejak Evolusi Mendepani Cabaran

RINGKASAN: Kajian ini – dengan menggunakan-pakai pendekatan kualitatif, kaedah sejarah, sorotan literatur, dan analisis deskriptif – cuba meneliti bagaimana dasar-dasar pendidikan yang muncul dalam sistem pendidikan Brunei dari tahun 1972 hingga 2008, dengan melihat evolusi yang disesuaikan dengan keperluan semasa. Ia juga berhadapan dengan berbagai cabaran. Di antara cabaran utama ialah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di seluruh negeri. Ia boleh dilihat pada Dasar Pendidikan 1972, yang mahukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Namun ia menghadapi cabaran untuk dilaksanakan hingga gagal. Ia gagal bukan sahaja disebabkan oleh faktor dalaman, bahkan juga menyangkut faktor luaran. Apabila Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa 1984 dan SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) diwujudkan, sekali lagi, cabaran Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar kekal timbul. Apa yang jelasnya, kedua-dua dasar itu menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Dalam pada itu, apabila SPN21 dilancarkan pada tahun 2008, dengan alasan bagi menggantikan Dasar Dwi-Bahasa yang dikatakan tidak sesuai dengan perkembangan semasa. Bagaimanapun, dasar ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam, apabila mata pelajaran Agama Islam dan MIB (Melayu Islam Beraja) tidak menjadi mata pelajaran teras. Kesan dari desakan pada tahun 2009, kedua-dua mata pelajaran itu telah menjadi mata pelajaran teras. Bagaimanapun, SPN21 terus menghadapi cabaran dari segi menyediakan prasarana teknologi maklumat terbaharu yang sentiasa berubah, guru berkemahiran, dan cuba memenuhi keperluan Wawasan Brunei 2035.

KATA KUNCI: Dasar-dasar Pendidikan Negara; Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; Isu dan Cabaran Semasa.

ABSTRACT: “Brunei Darussalam Education Policies, 1972-2008: Tracking Evolution in the Face of Challenges”. This study – using qualitative approach, historical method, literature review, and descriptive analysis – attempts to examine how educational policies emerged in Brunei’s education system from 1972 to 2008, by looking at the evolution adapted to current needs. It also faces various challenges. Among the major challenges is to make the Malay Language as the language of instruction in schools across the country. It can be seen on Education Policy of 1972, which wanted a Malay as the language of instruction. But it faces challenges to implement until it fails. It fails not only due to internal factors, but also to external factors. When Dual Language Education Policy of 1984 and SPN21 (National Education System for the 21st Century) was realized, once again, the challenge of Malay Language as the medium still arises. What is clear is that both policies make English the primary language. At the same time, when SPN21 was launched in 2008, with the aim of replacing the Dual-Language Policy which was said to be incompatible with current developments. However, this policy caused discontent among the Muslim community, when the subject of Islam and MIB (Malay Islamic Monarchy) did not become the core subjects. As a result of the pressure in 2009, both subjects have become core subjects. However, SPN21 continues to face challenges in terms of providing the latest ever-changing information technology infrastructure, skilled teachers, and trying to meet the needs of Brunei Vision 2035.

KEY WORD: National Education Policies; Malay and English Languages; Current Issues and Challenges.

About the Author: Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah APB UBD (Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tungku Link, Gadong BE1410, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, Penulis boleh dihubungi secara terus melalui alamat emel di: asbol.mail@ubd.edu.bn

Suggested Citation: Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2020). “Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1972-2008: Menjejak Evolusi Mendepani Cabaran” in ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Volume 10(1), June, pp.39-56. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI with print-ISSN 2088-1290 and online-ISSN 2714-6243.

Article Timeline: Accepted (March 24, 2020); Revised (May 2, 2020); and Published (June 30, 2020).

PENDAHULUAN

Dasar-dasar pendidikan Negara Brunei Darussalam, khususnya dasar-dasar pendidikan akademik yang tidak membabitkan dasar pendidikan agama, mengalami evolusi sejak tahun 1972 hingga 2008. Memang, tidak boleh dinafikan, evolusi pendidikan Brunei dalam tempoh kajian berkenaan sedang menghala ke arah kematangan dan kemajuan. Ia berlaku kesan dari perubahan yang terjadi, bukan sahaja dalam negeri tetapi juga perubahan yang berlaku secara global, dalam mana Brunei menerima tampiasnya. Bagi mendepani evolusi yang ligat berlaku, maka perlunya Brunei mengkaji dan melihat balik pada dasar-dasar pendidikan negara. Inilah yang berlaku dalam tempoh 1972 hingga 2008 (Bani, 2008; Mail, Damit & Tengah, 2014; Ghofur, 2015; dan Mail, 2015 dan 2017).

Rata-rata para pengkaji sejarah mengakui bahwa pengaruh pemodenan di Negara Brunei Darussalam telah berlaku sejak kemunculan sistem pentadbiran Residen British pada tahun 1906. Residen British dilantik untuk membantu Sultan Hashim (1885-1906) dalam menjalankan pentadbiran kerajaan Brunei. Segala penasihat Residen hendaklah diikuti, kecuali dalam hal agama Islam (Subijanto, 2010; Bakar, 2013; dan Mail, 2013).

Keberadaan pentadbiran Residen tidak cuma membawa pemodenan dalam bidang politik, tetapi juga sosial dan ekonomi. Salah satu bidang sosial yang menerima pengaruh ini adalah pendidikan. Pendidikan telah menerima pemodenan apabila pendidikan formal telah diperkenalkan oleh pentadbiran Residen dengan penubuhan Sekolah Melayu pada tahun 1914. Sebelum ini masyarakat Brunei, khususnya masyarakat Islam, memang sudah memiliki sistem pendidikan Islam yang dilaksanakan secara tidak formal, atau dalam bentuk tradisional, dilakukan di rumah-rumah, balai, surau, masjid, dan istana. Apabila sistem persekolahan muncul, maka pendidikan agama juga secara perlahan-lahan dimasukkan kedalam sistem ini. Senario berkenaan juga menyebabkan pendidikan Islam secara tradisional telah pupus, terutama pendidikan balai. Bagaimanapun, pendidikan Islam di rumah-rumah, masjid, dan istana masih wujud

hingga kini (cf Osman, 1990; Bakar, 2013; dan Mahmud, 2020).

Sejak kemunculan Sekolah Melayu, sistem pendidikan Brunei terus mengalami evolusi yang mengarah kepada kemajuan, yang awalnya didasari oleh pendidikan rendah, kemudiannya berkembang dengan kemunculan IPT (Institusi Pengajian Tinggi) yang dipelopori dengan tertubuhnya UBD (Universiti Brunei Darussalam) pada bulan Oktober 1985. Evolusi ini tidak hanya berlaku dalam pendidikan Melayu, tetapi juga berlaku dalam pendidikan agama, Arab, Inggeris, dan China. Selain kerajaan menyedia pendidikan, sekolah-sekolah swasta juga semakin berkembang hingga ke tahun 2008 (Bani, 2008; Mail et al., 2018; dan Aslan & Suhari, 2019).

Ekoran evolusi ini, maka sistem pendidikan Brunei dari masa ke semasa memerlukan dasar-dasar pendidikan khusus. Ianya diperlukan bagi menentukan hala tuju sistem pendidikan di negara, supaya menepati sasaran dalam melahirkan generasi berilmu dan berakhlak. Biarpun pendidikan formal mula diperkenalkan pada tahun 1914, namun kerajaan di bawah pentadbiran Residen British tidak pernah mengeluarkan dasar rasmi pendidikan negara sehingga tahun 1954. Sedangkan dalam perancangan meningkatkan mutu pendidikan Brunei, ia hanya boleh dicapai menerusi pembentukan dasar yang jelas dan teratur (Jumat, 1989; Mail, 2016; dan Aslan & Suhari, 2019).¹

Dasar adalah ketetapan dalam proses pengurusan sesebuah organisasi atau kerajaan. Dasar bukan sesuatu yang neutral dan statik, kerana motif tersirat mempunyai hubungan dengan bidang politik, ekonomi, dan sosial. Antara motif-motif ini, politik merupakan satu aspek yang biasanya mempengaruhi orientasi dan kandungan sesuatu dasar, tidak terkecuali dasar pendidikan sesebuah negara. Dasar pendidikan yang jelas memang tidak boleh

¹Lihat pula, contohnya, "BAR 1914: Brunei Annual Report, 1914". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis, ms.5; "Minutes of the State Council Meetings 6 July 1946, 6 December 1946, 5 February 1947, and 6 March 1947". *Unpublished Government Document*. Available and owned by Author; dan "Training of Teachers at Batu Lintang School: Siaran Sementara, No.22/1948 Ref.No.(6) in Ed/75/1948, No.406/1948. *Unpublished Government Document*. Available and owned by Author.

dinafikan kepentingannya sebagai landasan dan garispandu dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan sesebuah negara (Mail, 2013, 2015 dan 2016; Ghofur, 2015; dan Gunawan, Halkis & Muriadi, 2018).

Corak dasar pendidikan sudah sepatutnya sentiasa selaras dengan arus perubahan sosio-ekonomi dan politik, bukan sahaja dalam negara itu sendiri, bahkan selaras dengan perubahan yang berlaku di sekelilingnya dan di luar negara juga turut diambil kira. Lebih-lebih lagi era globalisasi dengan ledakan teknologi maklumat yang semakin canggih, menyebabkan dunia kehilangan sempadan, terutama di alam maya. Jika tidak, negara akan tercicir dan tertinggal dari perubahan dan kemajuan dunia, yang sentiasa bergerak tanpa hentinya (cf Hussin, 2002:125; Bani, 2008; dan Mail, 2013, 2015 dan 2016).

Sejak tahun 1954 hingga 2008, Negara Brunei Darussalam sudah mengalami lima evolusi dasar pendidikan. Dasar-dasar itu ialah: (1) Dasar Pendidikan 1954; (2) Dasar Pendidikan 1962; (3) Dasar Pendidikan 1972; (4) Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa 1984; dan (5) Dasar Pendidikan Sistem Pendidikan Abad ke-21 atau SPN21 Tahun 2008. Bagaimanapun, dalam artikel ini – dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif, analisis sejarah yang bercorak deskriptif, dan kaedah sorotan literatur (Creswell, 1994; Sjamsuddin, 2007; dan Zed, 2004) – mahukan menumpukan kajiannya terhadap evolusi dasar pendidikan dari tahun 1972 hingga 2008, khususnya SPN21 Tahun 2008 dihuraikan dari segi perlaksanaannya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kemunculan Dasar-dasar Pendidikan.

Sungguhpun dasar pendidikan sebelum tahun 1954 tidak pernah dikeluarkan secara rasmi dan jelas oleh pihak kerajaan, ia masih boleh dikesan menerusi pelaksanaan pada ketika itu. Dengan kata lain, sebenarnya sudah ada dasar pendidikan, tetapi pentadbiran Residen British tidak mahu menyatakan secara rasmi pada ketika itu. Mereka tidak mahu kelemahan-kelemahan yang ada pada sistem pendidikan Brunei itu, khususnya Sekolah Melayu, akan terdedah dan mendatangkan bantahan dalam kalangan masyarakat

Brunei, terutama golongan elite Melayu yang dipelopori oleh kaum guru (Mail, 2006:27-28; 2015 dan 2016; Bani, 2008; dan Bakar, 2013).

Kelemahan ketara ke atas dasar pendidikan Sekolah Melayu hanyalah bertujuan bagi anak-anak Melayu Brunei setakat pandai membaca dan menulis dalam huruf Rumi. Tidak ada yang diajarkan kepada kanak-kanak Melayu, melainkan untuk mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka, sama ada sebagai nelayan mahupun petani. Oleh itu, darjah paling tinggi bagi Sekolah Melayu pada ketika itu hanyalah darjah 6. Bagaimanapun, disebabkan kekurangan guru, maka majoriti sekolah hanya berdaya mengadakan setakat darjah 5, sebagai kelas tertinggi (Mail, 2013, 2015 dan 2016; Bakar, 2013; dan Mahmud, 2020).

Oleh itu, lulusan dari Sekolah Melayu hanya sesuai untuk menyandang jawatan-jawatan rendah, seperti guru, kerani, dan budak pejabat. Mungkin juga boleh menjadi petani atau nelayan yang celik huruf. Dari matlamat itu jelas, ianya suatu dasar pendidikan yang menekan dan menyekat peluang generasi muda Brunei untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat IPT atau Institusi Pengajian Tinggi (Mail, 2013, 2015 dan 2016; Bani, 2008; dan Bakar, 2013).

Dasar Pendidikan 1954. Dalam evolusi dasar-dasar pendidikan Brunei, ia boleh dikatakan telah memiliki dasar pendidikan secara rasmi berlaku pada tahun 1954. Kewujudan dasar ini ekoran dari kerajaan di bawah kepimpinan Sultan Omar 'Ali Saifuddein Sa'adul Khairi Waddien, yang telah melancarkan Rancangan Kemajuan Lima Tahun pertama, 1953-1958 (Abdullah, 1991; Hussainmiya, 1995; dan Mail, 2015).² Oleh yang demikian, salah satu kompenan penting dalam rancangan ini ialah membangun bidang pendidikan. Ia amat diperlukan pada ketika itu, kerana Brunei masih kekurangan golongan terpelajar dan profesional dalam berbagai bidang. Tenaga mereka benar-benar diperlukan bagi sama membangun negara yang pada masa itu semakin berkembang (Edu Dept, 1958; Mail, 2013, 2015 dan 2016; dan

²Rancangan kemajuan ini diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada bulan Julai 1953, dengan peruntukan kewangan sebanyak \$100 juta. Matlamat utama rancangan ini untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, sesuai dengan perubahan taraf hidup yang dialami oleh rakyat Brunei.

Aslan & Suhari, 2019).

Ekoran dari kekurangan inilah juga yang menjadi alasan kuat kepada Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien untuk menolak Brunei mencapai kemerdekaan lebih awal dari British, meskipun mendapat desakan kuat dari rakyat pada ketika itu. Pandangan baginda juga dikongsi sama oleh sebahagian rakyat Brunei, sehingga dikatakan bagaimana hendak merdeka bila alif bongkok pun tidak tahu. Apabila disebut "merdeka" pula, mereka menyeluru dengan "mentega" (Bevington, 1955 dan 1959; Abdullah, 1991; Hussainmiya, 1995; Mail *et al.*, 2018 dan 2019a; dan Mahrus & Sukino, 2019).

Selain itu, terdapat tuntutan dari orang ramai supaya Brunei mewujudkan satu sistem pendidikan yang baharu dan teratur. Masyarakat Brunei, pada masa itu, boleh dikatakan sudah menyedari betapa perlunya memberikan pendidikan formal kepada generasi muda. Kesedaran itu begitu menyerlah pada tahun-tahun 1950-an (Mail, 2006:28-29, 2018 dan 2019a; Bani, 2008; Bakar, 2013; dan Najtama, 2018).

Oleh itulah Jabatan Pelajaran, sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menangani hal ehwal pendidikan Brunei, telah mengeluarkan dan menjelaskan bentuk dan sistem pendidikan yang diamalkan sejak tahun 1914 di negara Brunei. Penjelasan itu boleh dianggap sebagai dasar pendidikan rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan. Dasar Pendidikan 1954 menyatakan bahawa kerajaan menyediakan pendidikan percuma kepada semua anak-anak Melayu, bermula dari umur enam tahun. Mereka boleh belajar, sama ada di Sekolah Melayu, Inggeris, atau Vokasional. Di Sekolah Melayu, mereka boleh meneruskan pelajaran sehingga darjah 6. Mana-mana murid dari sekolah ini berhajat memasuki Sekolah Inggeris Kerajaan, mereka diwajibkan menduduki peperiksaan khas calon ke sekolah tersebut. Apabila mereka berjaya memasuki Sekolah Inggeris Kerajaan, mereka akan belajar sehingga tingkatan 3 (Bani, 2008; Mail, 2013, 2015 dan 2016; dan Mahmud, 2020).³

³Lihat pula, contohnya, "BAR 1928: Brunei Annual Report, 1928". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis; "BAR 1929: Brunei Annual Report, 1929". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis; "BAR 1949: Brunei Annual Report, 1949". *Dokumen*

Mana-mana pelajar yang mempunyai prestasi baik dalam pelajaran di sekolah akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran hingga ke IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di luar negeri. Sementara itu, anak-anak Brunei yang berminat dalam lapangan pendidikan teknikal dan vokasional akan dihantar belajar ke Sekolah Pertukangan Syarikat Minyak Shell di Seria, Brunei. Sekolah Missi Kristian dan China pula bergerak secara bersendirian dan mendapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan (Padmore, 1954:3; Bani, 2008; Besar, 2008; dan Mail, 2013, 2015 dan 2016).

Dasar Pendidikan 1954 tidak hanya mendapat perhatian daripada orang ramai dan sasaran kritikan parti-parti politik, malahan ia menjadi isu hangat dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Pada tahun 1962, contohnya, salah seorang ahli majlis yang mewakili pihak pembangkang mengusulkan supaya kerajaan merangka dan membentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur asing. Cadangan ini tidak diluluskan. Ironinya, pada tahun 1962 itu juga, kerajaan sebenarnya telah merancang dalam evolusi dasar pendidikan bagi membentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baharu (PGMB, 1962; Bani, 2008; dan Mail *et al.*, 2019a).⁴

Dasar Pendidikan Negara 1962. Hakikatnya, pihak kerajaan Brunei telah mengundang dua pakar pendidikan dari Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1959, iaitu Aminuddin Baki dan Paul Chang. Mereka ditugaskan untuk mengkaji pelaksanaan sistem pendidikan Brunei. Hasil kajian ini dikenali sebagai "Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang 1959". Salah satu cadangan laporan ini supaya kanak-kanak daripada semua bangsa disatukan di bawah satu Sistem Pendidikan Kebangsaan, dengan menggunakan Bahasa

Kerajaan Tidak Diterbitkan. Tersedia dan ada pada Penulis; "BAR 1951: Brunei Annual Report, 1951". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis; "BAR 1953: Brunei Annual Report, 1953". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis; dan Akhbar *Borneo Bulletin*. Bandar Brunei: 15 Mac 1958.

⁴Lihat pula, contohnya, "BAR 1954: Brunei Annual Report, 1954". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis; Akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Brunei: 6 Disember 1961; Akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Brunei: 18 April 1962; Akhbar *Suara Bakti*. Bandar Brunei: 3 November 1961; dan Akhbar *Suara Bakti*. Bandar Brunei: 24 November 1961.

Melayu sebagai bahasa pengantar. Sistem ini dijangka boleh menjadi wadah perpaduan kepada semua lapisan rakyat yang terdiri dari berbilang kaum, keturunan, dan agama (Baki & Chang, 1959; Jadi, 1990; dan Mail *et al.*, 2019b).

Bibit-bibit perpaduan sudah sewajarnya disemi sejak kecil lagi. Tempat yang sesuai menyemainya ialah di sekolah, kerana di sini bercampuran dan pergaulan di kalangan kaum berlaku. Isu ini dicadangkan, kerana kedua-dua penyelidik itu mendapati sistem pendidikan Brunei pada masa berkenaan dilaksanakan dalam aliran bahasa yang berlainan (Baki & Chang, 1959:12-13; Mail *et al.*, 2019b; dan Salman, 2014).

Laporan itu juga mengemukakan pandangan agar sistem pendidikan Brunei mengarah ke arah mengeluarkan tenaga manusia Brunei yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran. Ia amat diperlukan dalam berbagai bidang, seperti pentadbiran, perdagangan, perindustrian, dan sebagainya. Hal ini disarankan, kerana mereka mendapati sistem pendidikan yang ada berciri menekan dan terapong-apong, tanpa ada hala tuju yang jelas. Ia tidak menjurus kepada melahirkan generasi muda Brunei, yang bakal memiliki kepakaran dalam berbagai bidang. Sedangkan perkara ini dikehendaki oleh setiap negara membangun seperti Brunei (Baki & Chang, 1959:12-13; Mail *et al.*, 2019a dan 2019b; dan Mail & Suwirta, 2018).

Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, kemudiannya, telah dinilai dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Mengkaji Pelajaran Brunei. Akhirnya, jawatankuasa ini berjaya mengeluarkan satu dasar pendidikan baharu, yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Negara pada 31 Oktober 1962. Oleh kerana kandungan dasar baharu ini diserap dari Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, maka matlamat utama pendidikan dalam dasar baharu itu sama dengan tujuan yang dikemukakan dalam laporan berkenaan (Mail, 2011, 2013 dan 2015; Mail *et al.*, 2019b; dan Melayong, 2018).⁵

Dasar Pendidikan Negara 1962, atau Dasar Pendidikan 1962, boleh dikatakan

dasar pelajaran pertama dalam evolusinya bagi Brunei yang paling jelas kandungan dan matlamatnya berbanding dengan Dasar Pendidikan 1954. Di antara perkara baharu dalam dasar ini ialah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah Brunei. Ia juga mahu menyatukan sekolah-sekolah yang berlainan aliran, bukan sahaja menjadi satu aliran, malahan menyatukan sistem pendidikan dan kurikulumnya. Dasar ini juga mahu agar peluang mengikuti pendidikan formal diberikan kepada semua lapisan rakyat Brunei tanpa menghadkan hanya satu kaum, sepertimana Dasar Pendidikan 1954 yang cuma membataskan kepada anak-anak Melayu. Dasar Pendidikan 1962 juga mencadangkan supaya pendidikan menjadi wadah memupuk nilai-nilai jati diri generasi muda yang taat kepada Sultan dan Negara (Mail, 2006:35; Bani, 2008; dan KPN Brunei Darussalam, 2013).

Meskipun Dasar Pendidikan 1962 mempunyai buah fikiran yang bernas, namun sebahagian kandungannya menghadapi cabaran untuk direalisasikan kedalam sistem pendidikan Brunei pada ketika itu. Akhirnya, ia tidak berhasil dilaksanakan, terutama dalam menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama di sekolah-sekolah Brunei. Kegagalan berlaku apabila terjadi hubungan dingin antara Brunei dan Malaysia, di samping tercetusnya pemberontakan 1962 oleh Partai Rakyat Brunei (JP, 1967; Bakar, 1981; Abdullah, 2002; Bani, 2008; Prasetyo, 2011; dan Mail *et al.*, 2019b).

Dasar Pendidikan 1972. Setelah kegagalan Dasar Pendidikan Negara 1962, maka evolusi dasar pendidikan terus berlaku apabila Brunei telah membentuk badan Suruhanjaya Pelajaran yang baharu pada bulan Mei 1970. Pada masa itu, Brunei berada di bawah pemerintahan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah, yang telah naik tahta pada tahun 1967. Suruhanjaya itu diamanahkan untuk meneliti keadaan sistem pendidikan Brunei, dengan maksud akhirnya membentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang lengkap, sesuai dengan cita-cita, kepentingan, dan perkembangan ekonomi, serta kedudukan

⁵Lihat, contohnya, "Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei, 16 dan 17 April 1962". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.

rakyat Brunei. Hasil kajian ini, pihak Suruhanjaya telah mengeluarkan satu dasar pendidikan yang baharu pada tahun 1972 (JP, 1973; Mail, 2006:37; dan Ghofur, 2015).

Kemunculan Dasar Pendidikan 1972 bukan sahaja berpunca dari cabaran melaksanakan Dasar Pendidikan Negara 1962, kemungkinan besar juga ada hubungan dan pengaruhnya dengan peristiwa rusuhan kaum di Malaysia. Tragedi itu berlaku pada 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Akibat rusuhan itu, kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan tegas dengan melancarkan Dasar Ekonomi Baharu dan penyusunan semula masyarakat. Kerajaan Malaysia juga melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan pada bulan Julai 1969. Tujuan utama dasar itu untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah beraliran Inggeris, China, dan Tamil. Pada tahun 1970 pula, kerajaan Malaysia menubuhkan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya (Ramanathan, 1985; Hussin, 2002:159; Soong, 2008; dan Mail, 2011).

Dasar-dasar berkenaan dibentuk sematamata untuk memupuk perpaduan kaum ke atas masyarakat Malaysia yang berbilang etnik. Kerajaan Malaysia telah memikirkan bahawa tungguk utama ke arah perpaduan ialah dengan menyemai bibit-bibit perpaduan melalui penubuhan dasar pendidikan, dengan Bahasa Melayu sebagai terasnya (Saad, 1986; Hussin, 1993; dan Marzuki, 2018).

Kewujudan Dasar Pendidikan 1972 di Brunei, sememangnya, berkaitan dengan pengaruh peristiwa 13 Mei 1969 di Malaysia, tapi persoalannya mengapa Brunei baru membentuk Suruhanjaya Pelajaran pada tahun 1970, iaitu selepas tragedi tersebut? Mengapa pihak kerajaan Brunei tidak mengkaji sistem pendidikan pada tahun 1972, sepertimana biasanya kajian terhadap perubahan dasar pendidikan sesebuah negara, yang dilakukan setiap sepuluh tahun? Kajian juga mungkin boleh dibuat lebih awal dari masa itu, umpamanya pada tahun 1968 atau 1969, kerana dalam tempoh berkenaan suasana politik dan sosio-ekonomi Brunei berada dalam keadaan mantap, sebaik-baik sahaja Revolusi 1962 berjaya dipatahkan?

Oleh itu, ada kemungkinan kerajaan Brunei mengambil pengajaran dari peristiwa 13 Mei 1969 di Malaysia, agar ianya tidak terjadi di bumi Brunei, makanya dibentuk dasar pendidikan yang baharu. Dasar ini menekankan satu sistem pendidikan dan satu kurikulum bagi semua sekolah. Menerusi dasar ini dijangka semangat perpaduan kaum boleh dijana dan diperkukuhkan sejak di bangku sekolah lagi (Bani, 2008; Soong, 2008; Mail, 2011 dan 2013; dan Najtama, 2018).

Pada asasnya, kandungan Dasar Pendidikan 1972 tidak banyak berbeza dengan Dasar Pendidikan Negara 1962. Dalam kedua-dua dasar tersebut menekankan supaya Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah Brunei, menyatukan sistem pendidikan, memenuhi keperluan tenaga manusia, serta melahirkan generasi yang taat dan setia kepada Sultan dan Negara. Perbezaan yang jelas antara kedua-dua dasar itu ialah bahawa Dasar Pendidikan 1972 cuba menonjolkan pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran penting untuk diajarkan di sekolah-sekolah. Hal ini juga mungkin ada kaitan dengan apa yang berlaku di Malaysia, kerana pada waktu itu kebangkitan Islam sebagai pegangan hidup utama umat Islam sedang giat diperjuangkan oleh sebahagian masyarakat Islam di negara berkenaan (Bakar, 1986:184-185; Bani, 2008; dan Mail, 2013, 2015 dan 2016).

Kalau pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 menghadapi cabaran dari peristiwa penolakan Brunei untuk menyertai Persekutuan Malaysia, maka peristiwa yang ada hubungan dan pengaruh Malaysia juga memainkan peranan salah satu punca kegagalan Dasar Pendidikan 1972 untuk dilaksanakan. Pada detik-detik Dasar Pendidikan dilancarkan, hubungan Brunei dan Malaysia berada dalam keadaan genting. Sedangkan Brunei pada masa itu amat memerlukan bantuan dari Malaysia untuk menjayakan Dasar Pendidikan 1972. Brunei memerlukan Malaysia dalam bentuk tenaga pengajar, buku-buku teks, dan sistem peperiksaan, sebagaimana yang berlaku ke atas Dasar Pendidikan 1962 (Bani, 2008; Mail, 2011, 2015 dan 2016; Ghofur, 2015; dan Bakar, 2018).

Hubungan kurang mesra ini berlaku apabila

beberapa orang bekas pemimpin PRB (Parti Rakyat Brunei) berjaya melarikan diri dari tahanan dengan bantuan wadar penjara Malaysia, yang berkhidmat di Brunei. Dalam pada itu, terdapat lagi beberapa orang pelajar Brunei yang melakukan kegiatan menentang kerajaan melarikan diri ke Malaysia. Mereka telah mendapat dokongan kerajaan Malaysia. Peristiwa ini telah menimbulkan ketegangan hubungan antara kedua-dua negara (Mail, 2011 dan 2013; Prasetyo, 2011; Ghofur, 2015; dan Fajri, 2018).

Brunei pula bertindak balas dengan menarik balik pelajar-pelajarnya yang sedang menuntut di Malaysia. Para pelajar telah menjadi mangsa, kerana ada di antaranya saat-saat mereka menduduki peperiksaan akhir juga diarahkan untuk balik ke Brunei. Penarikan balik dilakukan, kerana kerajaan bimbang bahawa mereka akan dipengaruhi oleh Malaysia bagi bangun menentang kerajaan Brunei (Leake, 1990:56-57; Singh, 1991:203; dan Mail, 2011 dan 2013).

Bagi meredakan rasa tidak puas hati di kalangan pelajar Brunei yang ditarik dari Malaysia itu, terutama mereka yang berada di tahun akhir pengajian, ada di antara mereka diserap ke dalam pekhidmatan kerajaan Brunei dengan diberikan tangga gaji pegawai berijazah. Kemudian ada juga yang melanjutkan pelajaran ke United Kingdom (Bani, 2008; Mail, 2011 dan 2013; dan Melayong, 2018).

Dengan penarikan itu pula, maka ia mendatangkan cabaran secara langsung kepada pelaksanaan Dasar Pendidikan 1972, yang mahu menjadi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Selain itu, peluang bagi pelajar beraliran Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Malaysia, yang mempunyai sistem pendidikan dengan pengantar Bahasa Melayu, telah tertutup (Bani, 2008; Mail, 2011 dan 2013; dan KPN Brunei Darussalam, 2013).⁶

Fenomena ini telah mendorong ramai pelajar aliran Melayu menamatkan

persekolahan mereka, sama ada setakat tingkatan lima atau tingkatan enam. Mereka memilih untuk memasuki alam pekerjaan, seperti menjadi guru, kerani, dan lain-lain jawatan rendah di jabatan-jabatan kerajaan atau swasta. Sedangkan ada di kalangan mereka masih berminat dan mempunyai potensi untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti. Apa yang jelasnya, Dasar Pendidikan 1962 dan Dasar Pendidikan 1972, selain masalah dalaman menjadi cabaran kepada proses perlaksanaannya, juga melibatkan kuasa luar, terutama Malaysia (Bani, 2008; Mail, 2011 dan 2013; Salman, 2014; dan KPN Brunei Darussalam, 2013).

Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa 1984.

Berikutan dengan kegagalan dasar Pendidikan 1972, evolusi dasar pendidikan Brunei terus berlaku apabila kerajaan perlu lagi mengwujudkan dasar pendidikan baharu yang sesuai dengan perkembangan dan perubahan sosio-ekonomi masyarakat Brunei, lebih-lebih lagi saat Brunei sudah mencapai kemerdekaan penuh dari tangan British pada tahun 1984. Dengan yang demikian, pada 9 April 1984, kerajaan secara rasmi mengisytiharkan satu dasar pendidikan baharu, yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Konsep Dwi-Bahasa atau Dasar Dwi-Bahasa (KPK, 1985; Osman, Abdullah & Hakiq, 1995; dan Mail, 2011, 2013 dan 2015).⁷

Secara umumnya, tujuan utama Dasar Dwi-Bahasa tidak banyak bezanya dengan apa yang terkandung dalam Dasar Pendidikan 1972. Contohnya, penyatuan sistem pendidikan dari segi kurikulum, peperiksaan, dan penerapan nilai-nilai Islam. Bagaimanapun, perbezaan yang ketara pada dasar ini dengan Dasar Pendidikan 1972 ialah penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan Brunei. Menurut dasar ini, murid-murid dari peringkat TADIKA (Taman Pendidikan Kanak-kanak) hingga ke darjah tiga, semua mata pelajaran akan diajarkan dalam Bahasa Melayu, kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris. Manakala itu, bermula dari darjah empat, maka pelajar

⁶Lihat pula, contohnya, "Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei 1972". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Setiausaha Kerajaan; Akhbar *Berita Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei*. Bandar Brunei: 28 November 1972; dan Akhbar *Berita Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei*. Bandar Brunei: 25 September 1973.

⁷Lihat pula, contohnya, "Education Policy for Brunei: BA/6469/1983, SUK/240/52". *Unpublished Government Document*. Available and owned by Author; "BAR 1983-1984: Brunei Annual Report, 1983-1984". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis; dan Akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 18 April 1984.

akan mula mengikuti pelajaran dalam semua mata pelajaran dalam Bahasa Inggeris, kecuali mata pelajaran Agama Islam, Lukisan, dan Pendidikan Jasmani (Al-Sufri *et al.*, 2008; Bani, 2008; Mail, 2011, 2013 dan 2015; Salman, 2014; dan Aslan & Suhari, 2019).

Penggunaan Bahasa Inggeris begitu ditekankan terhadap dasar berkenaan adalah disebabkan keinginan kerajaan supaya rakyat asli Negara Brunei Darussalam dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Bahasa Inggeris dilihat bukan sahaja sebagai bahasa antarabangsa, tetapi ia juga penting dalam pentadbiran dan industri minyak Brunei (Al-Sufri *et al.*, 2008; Mail, 2011, 2013 dan 2015; dan Yulanda, 2019).

Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama dalam dasar pendidikan, kerana keinginan kerajaan supaya rakyat asli Negara Brunei Darussalam dapat menguasai bahasa berkenaan dengan baik, di samping Bahasa Melayu. Generasi muda negara ini akan tertinggal dari segi ilmu berbanding dengan generasi lain, yang memang sudah sedar perlunya Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris pula perlu dikuasai oleh generasi muda Brunei, kerana ia penting bukan sahaja ia satu bahasa antarabangsa yang dominan, tetapi juga amat diperlukan dalam pentadbiran negara dan industri terbesar Brunei, iaitu minyak dan gas. Dengan makna lain, Dasar Dwi-Bahasa mempunyai maksud *political will* (Sum, 1993; Mail, 2006/2007; Al-Sufri *et al.*, 2008; Sari & Herawati, 2018; dan Aslan & Suhari, 2019).

Oleh itu, boleh dikatakan dasar menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah terhadap dasar pendidikan sudah tidak lagi menimbulkan cabaran, bahkan ia kelihatannya seakan-akan mendapat restu daripada orang ramai. Hal ini jelas kurangnya suara-suara yang mahukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam kalangan orang ramai. Sebaliknya, semakin ramai yang mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris atau sekolah Arab (Al-Sufri *et al.*, 2008; Bani, 2008; Mail, 2016; Fitriannah, 2018; dan Aslan & Suhari, 2019).

Dasar Pendidikan Sistem Pendidikan Negara Abad 21 atau SPN 21. Dasar-dasar pendidikan Brunei, kelihatannya, terus

mengalami evolusi apabila memasuki era abad ke-21. Evolusi itu berlaku apabila timbul pemikiran untuk mewujudkan satu sistem pendidikan baharu bagi menggantikan sistem pendidikan sebelumnya. Ia diawali daripada titah KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, semasa acara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-19, pada 23 Februari 2003, yang menitahkan seperti berikut:

Pendidikan negara hendaklah menyediakan program-program yang dinamik dan melihat ke hadapan (*forward looking*) dalam menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berguna kepada industri dan lain-lain perkhidmatan, dengan tidak mengabaikan nilai-nilai penting.⁸

Titah itu mencerminkan bahawa sistem pendidikan negara yang ada, iaitu Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa 1984, dilihat telah menghadapi cabaran apabila ia dirasakan tidak lagi dapat menyediakan program-program yang bersesuaian dengan kehendak negara setelah memasuki alaf baharu. Baginda telah melihat kemunculan alaf baharu, negara akan sentiasa berkembang maju dalam bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran baharu, kesan daripada kemajuan teknologi maklumat. Ia diperlukan bagi memenuhi permintaan sektor awam dan swasta, yang juga sentiasa mengalami evolusi akibat dari pengaruh dan kemajuan semasa (JP, 1994a dan 1994b; Bani, 2008; Mail, 2016; dan Sari & Herawati, 2018).

Pada menyusuli titah itu, pada penghujung tahun 2005, dengan rombakan semua ahli-ahli kabinet dan penyerahan semula pentadbiran pendidikan agama kepada Kementerian Hal Ehwal Agama, maka Kementerian Pendidikan telah memfokuskan perhatiannya kepada pendidikan umum, teknikal, dan pengajian tinggi. Tiga kategori evolusi telah dilakukan, iaitu, pertamanya, menyusun semula struktur organisasi ke arah menjadikan Kementerian Pendidikan lebih efisien dan berkesan. Keduanya, merangka Pelan Strategik Kementerian Pendidikan, 2007-2011, yang menggariskan beberapa hala tuju

⁸Lihat "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21)". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan, 2009.

dalam tempoh lima tahun. Dan, ketiganya, membentuk Jawatankuasa Meneliti Semula Sistem Pendidikan Negara bagi mengkaji semula dan membuat pembaikan ke atas Sistem Pendidikan yang berjalan pada waktu tersebut (Ibrahim & Asgar, 2010; Tengah, 2013; Mail, 2015 dan 2016; Yusran, 2019; dan *ibidem* notakaki 8).

Hasil daripada penelitian jawatankuasa yang telah dilantik menunjukkan bahawa pendidikan yang sedang berjalan pada waktu itu belum dapat memenuhi kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh lepasan sekolah untuk persediaan mereka menceburkan diri dalam dunia pekerjaan, terutama dalam menghadapi arus globalisasi dan perkembangan ekonomi yang pesat dalam era teknologi maklumat atau ICT (*Information and Communication Technology*). Oleh itu, jawatankuasa telah mencadangkan supaya sistem pendidikan negara yang ada diperbaiki dan dihalusi, serta disejajarkan dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan, 2007-2011 (KPN Brunei Darussalam, 2013; Tengah, 2013; dan Mail, 2015 dan 2016).

Bagaimanapun, pandangan ini disangkal oleh Yang Berhormat Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awg Abdul Aziz, mantan Menteri Pendidikan, bahawa Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa 1984 sebenarnya masih sesuai. Dasar berkenaan telah melahirkan ramai pelajar yang berkelulusan di peringkat ijazah dan mampu menguasai Bahasa Inggeris. Ini terbukti dengan peratus kelulusan bahasa Inggeris di peringkat "O" level adalah tinggi (MoE, 1992; Sugono *et al.* 2003; Mail, 2016; dan Mislaini, 2019).

Dengan langkah tersebut telah melahirkan satu sistem pendidikan baharu, yang dikenali sebagai "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21", atau nama pendeknya adalah SPN21. Sistem pendidikan negara yang baharu itu telah diperkenalkan oleh KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam titah baginda sempena Sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-62 tahun, pada bulan Julai 2008 (KPN Brunei Darussalam, 2013; Tengah, 2013; Mail, 2015 dan 2016; Ali, 2016; dan Hashim, 2019).

Bertolak dari titah itu, baginda telah melihat bahawa dalam arus perubahan

globalisasi yang ligat, Negara Brunei Darussalam mestilah merangka satu sistem pendidikan yang bersesuaian, supaya warga negara yang lahir daripada sistem pendidikan tersebut tidak akan tercicir atau terkandas dalam sama-sama mengharungi arus perkembangan berkenaan. Hal ini bertepatan dengan Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035, iaitu bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran, berkualiti, dan memiliki sumber ekonomi dinamik dan berdaya tahan (JPA, 2003:223; KPN Brunei Darussalam, 2013; Tengah, 2013; Mail, 2015 dan 2016; Idris ed., 2016; dan Ratna, 2019).

Dasar Pendidikan SPN21 dan

Perlaksanaannya. Matlamat-matlamat utama yang terkandung dalam Dasar Pendidikan SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) ini, adalah seperti berikut:

Pertama, bagi memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran dalam perkembangan dan pembangunan ekonomi dan sosial di abad ke-21 ini.


Kedua, bagi merealisasikan visi dan misi Kementerian Pendidikan, iaitu visinya untuk mewujudkan "Pendidikan berkualiti ke arah negara yang maju, aman, dan sejahtera". Sementara misinya "untuk memberikan pendidikan yang holistik bagi mencapai potensi yang penuh bagi semua".

Ketiga, mengembangkan kemahiran-kemahiran abad ke-21, terutama kemahiran-kemahiran asas, seperti kemahiran berkomunikasi, mengira, teknologi maklumat, berfikir dan menyelesaikan masalah, pengurusan diri, serta kompetitif dalam belajar dan bekerja, sosial, fizikal, dan estetika.

Keempat, untuk memenuhi lima Tema Strategik Kementerian Pendidikan, 2007-2011, iaitu: (1) Pendidikan berkualiti ke arah pembangunan bangsa dan modal insan; (2) Pendidikan berkualiti melalui kurikulum seimbang, relevan, dinamik, dan berbeza; (3) Pendidikan berkualiti melalui sistem jaminan kualiti yang berwibawa berasaskan piawaian antarabangsa; (4) Profesionalisme dan laluan kerjaya yang jelas bagi pendidik; serta (5) Sekolah kerajaan yang berkualiti dan bertahap tinggi dengan suasana pembelajaran yang kondusif dan mempunyai daya tarikan.⁹

Pendidikan Negara pada Abad ke-21, yang dirangka oleh Kementerian Pendidikan Negara

⁹Lihat semula "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21)". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan, 2009, ms.16-18.



Rajah 1:
 Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21), Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 2009

Brunei Darussalam, pada tahun 2009, dapat dilihat dalam rajah 1.

SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Peringkat peralihan dilaksanakan pada tahun 2008 bagi kumpulan pelajar lulus PSR (Penilaian Sekolah Rendah) pada tahun 2007, yang memasuki tahun 7 atau tingkatan

1 di peringkat menengah bawah. Sementara di peringkat rendah dilaksanakan pada tahun 2009 bagi pelajar tahun 1 dan tahun 4. Pelaksanaan SPN21 sepenuhnya di peringkat rendah dijangka bermula pada tahun 2011 (KPN Brunei Darussalam, 2013; Tengah, 2013; Mail, 2015 dan 2016; Yahya & Sa'ari, 2015; dan *ibidem* notakaki 9, ms.19).

Perlakukan SPN21 tersebut memperlihatkan dasar Kementerian Pendidikan, yang sentiasa prihatin dan responsif terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan, sama ada di peringkat serantau atau antarabangsa. Terdapat tiga perubahan utama bagi memastikan matlamat SPN21 tersebut tercapai, iaitu: menyusun semula struktur Sistem Pendidikan, Kurikulum dan Penilaian, serta Pendidikan Teknik (KPN Brunei Darussalam, 2013; Tengah, 2013; Mail, 2015 dan 2016; Yahya & Sa'ari, 2015; dan Yulanda, 2019).

Mengenai Kurikulum. Modal Kurikulum SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) yang disediakan adalah bersifat meluas, seimbang, relevan, responsif, dan berbeza daripada sebelumnya, iaitu mengikut keperluan pelajar demi memberi peluang untuk mereka meneruskan pelajaran. Kurikulum ini juga menyediakan ruang yang optima untuk pelajar mencapai kemajuan dan memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan (KPN Brunei Darussalam, 2013; Tengah, 2013; Salman, 2014; Mail, 2015 dan 2016; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

SPN21 pula memberikan tumpuan kepada pelajar (*student centred*), yang menjadi sasaran utama kurikulum; dan menjadi fokus pengajaran dan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan, keupayaan, dan gaya belajar setiap pelajar untuk membolehkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran secara berkesan. Pelajar diletakkan di tengah-tengah (titik atau bulatan tengah), jika kurikulum itu digambarkan sebagai sebuah bulatan (cf KPN Brunei Darussalam, 2013; Lase, 2015; Yahya & Sa'ari, 2015).

Manakala lapisan kedua selepas bulatan tengah adalah pengetahuan dan kefahaman, kemahiran asas, sikap, dan nilai. Penumpuan ini diharapkan untuk membina perkembangan individu secara menyeluruh dengan menekankan bidang utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan menyediakan peluang kepada individu untuk meningkatkan kekuatan dan kebolehan (cf Bani, 2008; KPN Brunei Darussalam, 2013; Mail, 2016; dan *ibidem* notakaki 9, ms.30-33).

Lapisan ketiga selepas lapisan kedua ialah Bahasa, Matematik, Sains, Sains

Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Kesenian dan Kebudayaan, Teknologi, Pengetahuan Agama Islam, MIB (Melayu Islam Beraja), serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Penumpuan kepada bidang-bidang ini diharapkan dapat memberikan ilmu pengetahuan yang seimbang kepada pelajar dengan menyediakan pelbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman pembelajaran yang luas (cf KPN Brunei Darussalam, 2013; Mail, 2013; Gunawan, Halkis & Muriadi, 2018).

Lapisan keempat di atas lapisan ketiga adalah MIB, Kemahiran Berfikir, Digital Literasi, Keusahawanan, Program Kemahiran Masyarakat, dan Kokurikulum. Penumpuan kepada bidang-bidang ini diharapkan akan dapat membina perspektif dan kefahaman pelajar dengan menyediakan pelbagai kemahiran yang diintegrasikan secara merentas kurikulum (cf KPN Brunei Darussalam, 2013; Yahya & Sa'ari, 2015; Mail, 2016; Hashim, 2019; dan *ibidem* notakaki 9, ms.30-33). Lihat rajah 2.

Mengenai Cabaran. Sebagai satu dasar pendidikan yang baharu, SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) juga berhadapan dengan beberapa cabaran dalam proses perlaksanaannya. Antara cabarannya, apabila SPN 21 mula dilaksanakan pada tahun 2008, pendidikan Agama Islam tidak lagi menjadi mata pelajaran teras apabila pelajar memasuki ke peringkat menengah, iaitu pada tahun 9 hingga tahun 11. Malahan ia hanya menjadi mata pelajaran pilihan yang digabungkan bersama mata pelajaran drama dan muzik. Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam Brunei. Tindakan ini kelihatannya bertentangan dengan falsafah negara MIB (Melayu Islam Beraja) dan mahu menjadikan Brunei sebagai sebuah Negara Zikir (cf Bani, 2008; KPN Brunei Darussalam, 2013; Yahya & Sa'ari, 2015; Hashim, 2019; dan Mislaini, 2019).

Dengan tindakan demikian, seolah-olah pendidikan Agama Islam kurang penting, sedangkan ia memainkan peranan dalam pembentukan saksiah pelajar ke arah keimanan, ketakwaan, dan berakhlak mulia. Langkah ini tidak hanya mendapat reaksi dari orang ramai, bahkan ia telah mendapat teguran daripada KDYMM (Kebawah Duli

Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Titah baginda sempena menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, pada 23 Februari 2009, antara lain seperti berikut:


Sumber manusia berkualiti adalah faktor penentu kepada keupayaan negara untuk menikmati kemajuan secara berpanjangan. Kerana itu, kita tidak pernah mengabaikan pendidikan. Dasar kita jelas, iaitu ingin melahirkan seberapa ramai ilmuan, yang dapat menyaksikan kemunculan golongan-golongan pemimpin, pemikir, dan pengusaha yang berwibawa.

Dalam pada itu, Beta ingin mengingatkan, dasar dan sistem pendidikan kita, tidak boleh sama sekali membelakangi nilai-nilai kita yang murni, iaitu agama maha suci serta adat resam bangsa yang luhur.¹⁰

Kesan dari teguran itu, maka Kementerian Pendidikan telah menjadikan mata pelajaran Agama Islam bersama MIB (Melayu Islam Beraja) menjadi mata pelajaran teras dalam SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21). Mata pelajaran MIB merupakan mata pelajaran wajib sejak tahun 1992 (KPN Brunei Darussalam, 2013; Mail, 2013; Tengah, 2013; Melayong, 2014; dan Ahim, 2019).¹¹

Oleh sebab kemunculan SPN21 dibuat dalam masa yang agak pendek, jika diambil kira masa perancangannya bermula pada tahun 2005 dan perlaksanaannya dilakukan pada tahun 2008, dasar ini berhadapan dengan cabaran mendapatkan guru terlatih dalam mata-mata pelajaran yang baharu diperkenalkan, seperti mata pelajaran drama, muzik, pertanian, permakanan, pelancungan, dan lain-lain lagi. Sedangkan masalah kekurangan guru ini sudah berlaku sebelumnya, termasuk mata pelajaran lukisan (Bani, 2008; KPN Brunei Darussalam, 2013; Tengah, 2013; Mail, 2016; dan Yulanda, 2019).

Hal berlaku imbalan pengeluaran guru dengan kemasukan pelajar baharu tidak selari. Keadaan ini menjadikan ada guru-guru yang



Rajah 2:
Modal Kurikulum SPN21

diaturkan mengajar mata pelajaran yang kurang berkemahiran. Ini boleh menjejaskan prestasi pembelajaran para pelajar. Begitu juga buku-buku teks menghadapi masalah, kerana buku-buku teks sebelum ini tidak dapat digunakan dan tidak sesuai dengan pendekatan SPN21. Untuk mengadakan buku teks yang sesuai dengan SPN21, ia akan mengambil masa. Bagaimanapun, semua itu cuba diatasi oleh pihak Kementerian Pendidikan secara berhimah (JPA, 2013; KPN Brunei Darussalam, 2013; Tengah, 2013; Yahya & Sa'ari, 2015; dan Mail, 2016).

KESIMPULAN ¹²

Dari perbincangan di atas nyatalah dasar pendidikan Brunei dari tahun 1972 hingga tahun 2008 telah mengalami evolusi, ekoran

¹⁰Lihat "Adakah SPN21 Mendukung Visi dan Misi JPI, 3 Januari 2011". Wujud secara online pula di: <https://ibnuziad.wordpress.com/category/spn21> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 11 April 2019].

¹¹Lihat pula, contohnya, Akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 5 Oktober 2015.

¹²*Rakaman Terima kasih:* Saya merakamkan berbilang terima kasih kepada tuan Andi Suwirta, M.Hum., Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Sejarah FPIPS UPI (Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, yang telah mengedit-semak semula dan mengemas-kini makalah saya, sehingga dalam bentuknya sekarang, khasnya dalam mencampur sumber-sumber rujukan yang lebih kaya dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam makalah ini kekal menjadi tanggungjawab akademik saya secara persendirian, dan tidak ada kena-mengena dengan bantuan dari mana-mana pihak yang telah diberikan kepada saya.

daripada kemajuan yang dicapai oleh sistem pendidikan Brunei. Dalam tempoh tersebut, evolusi juga berhadapan dengan berbagai cabaran. Di antara cabaran utama yang sering dihadapi pada dasar-dasar pendidikan dalam tempoh itu ialah hendak menjadi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah seluruh negeri. Isu ini jelas dilihat pada Dasar Pendidikan 1972, yang mahukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Namun ia menghadapi halangan untuk dilaksanakan dalam sistem persekolahan di negeri. Cabaran untuk mengadakannya bukan sahaja disebabkan faktor dalaman, bahkan juga menyangkut faktor luaran.

Cabaran luar berlaku apabila hubungan Brunei dan Malaysia berada dalam kritikal, maka pelaksanaan untuk menjadikan Bahasa Melayu, seperti yang disarankan dalam Dasar Pendidikan 1972, telah gagal. Dengan yang demikian, sekolah berbagai aliran terus wujud di Brunei, sepertimana yang terdapat pada Dasar Pendidikan 1954.

Apabila Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa 1984 dan SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) diwujudkan, sekali lagi, cabaran Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar timbul. Apa yang jelasnya, kedua-dua dasar itu tidak menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, ia telah diambil-alih oleh Bahasa Inggeris. Bahasa ini dijadikan bahasa pengantar, dengan alasan bahawa Bahasa Inggeris bukan sahaja bahasa antarabangsa, tetapi dengan menguasai bahasa berkenaan generasi muda Brunei akan dapat menimba ilmu setinggi-tingginya.

Bagi menjaga kedudukan dan martabat Bahasa Melayu, ia telah menjadi mata pelajaran teras kepada kedua-dua dasar tersebut. Dalam pada itu, apabila SPN21 dilancarkan pada tahun 2008, dengan alasan bagi menggantikan sistem pendidikan sebelumnya yang telah diteliti, tidak dapat menyediakan program-program akademik dan kemahiran yang bersesuaian dengan kehendak negara, yang terus berkembang dalam menghadapi cabaran dunia global berteknologi tinggi dewasa ini.

SPN21 mempunyai matlamat utama untuk merealisasikan visi Kementerian Pendidikan bagi mewujudkan pendidikan berkualiti ke

arah negara yang maju, aman, dan sejahtera, serta untuk merealisasikan misinya dalam memberikan pendidikan yang holistik bagi mencapai potensi yang penuh bagi semua. Bagaimanapun, dasar ini mendatangkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam di negara Brunei Darussalam, apabila mata pelajaran Agama Islam dan MIB (Melayu Islam Beraja) tidak menjadi mata pelajaran teras, sebaliknya hanya menjadi mata pelajaran pilihan.

Ia kemudiannya juga mendapat teguran daripada KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan, kerana dalam titah baginda sering ditekankan bahawa dalam mengejar kemajuan dunia, masyarakat Brunei tidak boleh menafikan nilai-nilai dan budaya tradisi yang murni, yang telah diwarisi sekian lama oleh rakyat di negeri ini. Nilai murni yang dimaksudkan dalam titah itu ialah pegangan kepada Agama Islam dan falsafah MIB. Akhirnya, pada tahun 2009, kedua-dua mata pelajaran itu telah menjadi mata pelajaran teras.¹³

Referensi

- Abdullah, Muhd Hadi. (1991). "Sultan Omar Ali Saifuddin: Raja yang Berjiwa Rakyat" dalam *BERIGA*, Bilangan 30 [Januari-Mac]. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.
- Abdullah, Muhammad Hadi. (2002). "Brunei's Political Development and the Formation of Malaysia, 1961-1967". *Unpublished Ph.D. Thesis*. UK [United Kingdom]: University of Hull.
- "Adakah SPN21 Mendukung Visi dan Misi JPI, 3 Januari 2011". Wujud secara online pula di: <https://ibnuziad.wordpress.com/category/spn21> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 11 April 2019].
- Ahim, Rasinah. (2019). "Nilai, Amalan, dan Prinsip Islam Tunggak Kelestarian Falsafah Melayu Islam Beraja" dalam *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue, hlm.296-310. Wujud secara online pula di: http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/special3/jsass_khaso3_recit18_o2o_rasinah.pdf [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Januari 2020].
- Akhbar *Berita Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei*. Bandar Brunei: 28 November 1972.

¹³ **Kenyataan:** Saya, yang bertanda tangan di bawah ini, membuat kenyataan bahawa makalah ini adalah dapatan penyelidikan saya secara persendirian; jadi, ianya bukan hasil plagiat. Semua sumber-sumber yang saya rujuk dan petik, jelas kewujudannya dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Makalah ini juga belum pernah, sama ada dihantar, diwasit, mahupun diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik. Saya bersedia diberi sanksi akademik, sekiranya mana-mana yang saya nyatakan ini tidak selari dengan hakikat atau realiti yang ada.

- Akhbar Berita Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei. Bandar Brunei: 25 September 1973.
- Akhbar Borneo Bulletin. Bandar Brunei: 15 Mac 1958.
- Akhbar Pelita Brunei. Bandar Brunei: 6 Disember 1961.
- Akhbar Pelita Brunei. Bandar Brunei: 18 April 1962.
- Akhbar Suara Bakti. Bandar Brunei: 3 November 1961.
- Akhbar Suara Bakti. Bandar Brunei: 24 November 1961.
- Akhbar Pelita Brunei. Bandar Seri Begawan: 18 April 1984.
- Akhbar Pelita Brunei. Bandar Seri Begawan: 5 Oktober 2015.
- Ali, Fawziyah binte. (2016). "Puisi Intan Pemangkin Pemikiran" in *Proceedings the 2nd International Multidisciplinary Conference, organized by Universitas Muhammadiyah Jakarta, Indonesia, on November 15, pp.472-486.*
- Al-Sufri, Jamil et al. (2008). *Satu Pemikiran mengenai Corak Pendidikan untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman dan Sejarah.* Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei Darussalam.
- Aslan, A. & S. Suhari. (2019). "Sejarah Kurikulum Pendidikan Islam di Brunei Darussalam" dalam *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan, Volume 4(1), ms.113-127.* Wujud secara online juga di: <https://doi.org/10.25217/ji.v4i1.448> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Januari 2020].
- Bakar, Mohamad Abd. (1981). "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia" dalam *Malaysia dari Segi Sejarah: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bilangan 10.*
- Bakar, Mohamad Abu. (1986). "Perspektif Islam Semasa: Suatu Tinjauan Kritis" dalam *Islam dan Pembangunan Negara.* Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2013). "Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906-1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah, Volume 1(2), September, ms.113-124.*
- Bakar, Nani Suryani Abu. (2018). "Dasar Britain terhadap Brunei Selepas Penolakan Brunei dari Menyertai Malaysia pada Tahun 1963". Wujud secara online di: https://www.researchgate.net/publication/325256421_Dasar_Britain_terhadap_Brunei [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17 Oktober 2019].
- Baki, Aminuddin & Paul Chang. (1959). "Laporan Penyata Pelajaran Negeri Brunei, 21 September 1959". *Dokumen Tidak Diterbitkan.* Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Bani, Suddin. (2008). "Perkembangan Pendidikan Islam di Brunei Darussalam" dalam *Lentera Pendidikan, Vol.11, No.2 [Desember], ms.270-283.*
- "BAR 1914: Brunei Annual Report, 1914". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BAR 1928: Brunei Annual Report, 1928". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BAR 1929: Brunei Annual Report, 1929". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BAR 1949: Brunei Annual Report, 1949". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BAR 1951: Brunei Annual Report, 1951". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BAR 1953: Brunei Annual Report, 1953". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BAR 1954: Brunei Annual Report, 1954". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BAR 1983-1984: Brunei Annual Report, 1983-1984". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Tersedia dan ada pada Penulis.
- Besar, Haji Mail bin. (2008). "Gerakan Kristianisasi di Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Negara Brunei Darussalam". *Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan.* Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam UM [Universiti Malaya]. Wujud secara online pula di: [http://studentsrepo.um.edu.my/5298/1/GERAKAN_KRISTIANISASI_DI_KALANGAN_MASYARAKAT_ISLAM_KAJIAN_DI_NBD_1\(Thesis\).pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5298/1/GERAKAN_KRISTIANISASI_DI_KALANGAN_MASYARAKAT_ISLAM_KAJIAN_DI_NBD_1(Thesis).pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17 Oktober 2019].
- Bevington, E.R. (1955). "The Economy and Development of State of Brunei, on 30 June". *Unpublished Colonial Office, No.1030/300.* Available and owned by Author.
- Bevington, E.R. (1959). "Penyata Pembangunan Negeri Brunei, 1953-1958: on June 1958". *Unpublished Government Document.* Available and owned by Author.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches.* California: Sage Publications, Inc.
- "Education Policy for Brunei: BA/6469/1983, SUK/240/52". *Unpublished Government Document.* Available and owned by Author.
- Edu Dept [Education Department]. (1958). *Brunei Education Departmental Triennial Report for 1955 to 1957.* Bandar Brunei: Education Department.
- Fajri, Abdul. (2018). "Peranan Organisasi Pergerakan dalam Pemisahan Brunei-Malaysia Tahun 1946-1962". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan.* Jakarta: Program Studi Sejarah Peradaban Islam, Fakultas Adab dan Humaniora UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/403251/Fulltext.PDF> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9 Oktober 2019].
- Fitrihanah, Rossi Delta. (2018). "Sistem Pendidikan Islam Berwawasan Multikultural di Negara-negara ASEAN (Malaysia, Filipina, Singapura, dan Brunei Darussalam)" dalam *At-Ta'lim: Media Informasi Pendidikan Islam, Vo.17, No.2 [Desember], ms.231-240.*
- Ghofur, Abd. (2015). "Islam dan Politik di Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Sosio-Historis" dalam *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Bergama, Vol.7, No.1 Januari-Juni 2015, ms.53-69.* Wujud secara online juga di: <https://media.neliti.com/media/publications/40376-ID-islam-dan-politik-di-brunei-darussalam-suatu-tinjauan-sosio-historis.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Oktober 2019].
- Gunawan, Dadang, Halkis & Hindro Muriadi. (2018). "Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai Instrumen Pencegahan Insurgensi di Brunei Darussalam" dalam *Jurnal Prodi Perang Asimetris, Vol.4, No.1 [April], ms.93-112.*
- Hashim, Rosnani. (2019). "Falsafah Pendidikan Islam pada Era Revolusi Industri 4 (RI 4.0): Cabaran dan Cadangan". *Kertas Kerja dibentang dan dibincang dalam International Conference on Teacher Education.* Wujud secara online pula di: <http://www.kupu-sb.edu.bn/SiteCollectionDocuments/Kertas%20Kerja%2012%20Nov%202019.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 24 Januari 2020].
- Hussainmiya, B.A. (1995). *Sultan Omar Ali Saifuddin III*

- and Britain: The Making of Brunei Darussalam. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hussin, Sufean. (1993). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem, dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin, Sufean. (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, Jaafar & Abdullah Asgar. (2010). "Kebawah DYMM Pengerusikan Mesyuarat: Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Kali Pertama" dalam akhbar *Pelita Brunei*, pada 10 Julai. Wujud secara online pula di: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2010/Julai/PB100710.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17 Oktober 2019].
- Idris, Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji [ed]. (2016). *Transformasi ke Arah Perkhidmatan Awam yang Progresif*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Kali ke-23. Wujud secara online pula di: <http://www.psd.gov.bn/Shared%20Documents/e-Buku/Hari%20Perkhidmatan%20Awam> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 24 Oktober 2019].
- Jadi, Haris Md. (1990). *Etnik, Politik, dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1967). *Laporan Pelajaran Tiga Tahun, 1964-1966*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1973). *Laporan Pelajaran Tahun 1972*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Penerangan]. (1994a). *Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sepanjang 1990*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan.
- JP [Jabatan Penerangan]. (1994b). *Kumpulan Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sepanjang 1993*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan.
- JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam]. (2003). *Kegemilang Pentadbiran Awam Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkhidmatan Awam.
- JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam]. (2013). *Kegemilangan Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Jumat, Ahmad Haji. (1989). "A Chronological Study of the Development of Education in Brunei Darussalam from 1906 to 1984 with Special Reference to Education Policies and Their Implementation". *Unpublished Ph.d. thesis*. USA [United States of America]: The School of Education, California Coast University.
- KPK [Kementerian Pelajaran dan Kesihatan]. (1985). *Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.
- KPN [Kementerian Pendidikan Negara] Brunei Darussalam. (2013). *SPN21: Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama, edisi kedua. Wujud secara online pula di: [http://www.moe.gov.bn/spn21dl/SPN21%20MALAY%20\(2013\)%20COMPLETE.pdf](http://www.moe.gov.bn/spn21dl/SPN21%20MALAY%20(2013)%20COMPLETE.pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9 Oktober 2019].
- "Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei 1972". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Setiausaha Kerajaan.
- Lase, Famahato. (2015). "Dasar Pengembangan Kurikulum Menjadi Pengalaman Belajar" dalam *Jurnal PG-PAUD STKIP Pahlawan Tuanku Tambusai*, Vol.1, No.2, ms.130-140.
- Leake, D. (1990). *Brunei: The Modern Southeast Asian Islamic Sultanate*. Kuala Lumpur: Forum.
- Mahrus, Erwin & Sukino. (2019). "Jejaring Keilmuan Ulama Borneo: Kajian Atas Naskah Korespondensi Antara Naib Kadi Tutong-Brunei dan Maharaja Imam Sambas" dalam *At-Turats: Jurnal Pemikiran Pendidikan Islam*, Vol.13, No.2, ms.61-78.
- Mahmud, Hajah Roziana binti Haji. (2020). "Pendidikan Melayu Wanita Brunei, 1950-1985: Persekolahan Rendah dan Menengah" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(1), March, pp.73-86. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2006/2007). "Peralihan dari Ekonomi Tradisional ke Ekonomi Perusahaan Minyak, 1929-1941: Pengaruhnya terhadap Perubahan Sistem Pendidikan Brunei" dalam *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, Volume 7(1), ms.3-16.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2011). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950-1984: Pengaruh dan Hubungannya dengan Malaysia" dalam *Pembentukan Malaysia: Isu dan Perdebatan*. Shah Alam: Penerbit UiTM [Universiti Teknologi MARA].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2013). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950 – 2010: Kemunculan dan Hubungannya dengan Falsafah MIB (Melayu Islam Beraja)" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 1(2), September, ms.151-166.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2015). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam: Perubahan dan Masalah" dalam *Proceedings the 7th International Seminar on Regional Education*, on November 5-7. Tersedia secara online juga di: <https://isre.prosiding.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3026/2956> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Oktober 2019].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2016). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam Pasca Merdeka, 1984-2014: Dari Dwi-Bahasa Ke Pendidikan Abad 21" dalam Haji Awang Asbol bin Haji Mail [ed]. *Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam Pasca Merdeka, 1984-2014*. Bandar Seri Begawan: Penerbit UBD [Universiti Brunei Darussalam] Press.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2017). "Pendidikan Vokasional dan Teknikal Pra-Merdeka Brunei Darussalam: Evolusi dan Inovasi" dalam *BERIGA*, Bil.119 [Julai-Disember], ms.1-44.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji et al. (2018). "Perkembangan dan Cabaran Dasar Pendidikan

- Negara” dalam *Media Permata*, pada 12 November. Tersedia secara online juga di: <https://mediapermata.com.bn/perkembangan-dan-cabaran-dasar-pendidikan-negara/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Oktober 2019].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji et al. (2019a). “Kewujudan Dasar-dasar Pendidikan” dalam *Media Permata*, pada 7 Januari. Wujud secara online juga di: <https://mediapermata.com.bn/perkembangan-dan-cabaran-dasar-pendidikan-negara/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Mac 2020].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji et al. (2019b). “Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang” dalam *Media Permata*, pada 7 Januari. Wujud secara online juga di: <https://mediapermata.com.bn/perkembangan-dan-cabaran-dasar-pendidikan-negara/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Mac 2020].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji, Haji Yusop bin Haji Awang Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. (2014). *Evolusi dan Tranformasi Kecemerlangan 100 Tahun Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-2014*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji & Andi Suwirta. (2018). “Pendidikan Tradisional di Negara Brunei Darussalam: Perspektif Sejarah” in *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, Volume 8(1), Juni, pp.11-26. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2088-1290.
- Marzuki, Shahril@Charil bin Haji. (2018). “Dasar dan Perancangan Pendidikan Negara Sejak 52 Tahun Kemerdekaan Malaysia: Satu Sorotan dan Refleksi”. Wujud secara online di: <https://media.neliti.com/media/publications/73219-ID-dasar-dan-perancangan-pendidikan-negara.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17 Oktober 2019].
- Melayong, Muhammad Hadi Muhammad. (2014). “Melayu Islam Beraja: Asas Perpaduan Hidup Bermasyarakat dan Bernegara di Brunei Darussalam” dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Volume 7(1), Mei, ms.55-64.
- Melayong, Muhammad Hadi Muhammad. (2018). “Dasar Biasiswa ke Luar Negeri: Satu Perspektif Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam” in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 6(2), September, pp.165-178. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808.
- “Minutes of the State Council Meetings 6 July 1946, 6 December 1946, 5 February 1947, and 6 March 1947”. *Unpublished Government Document*. Available and owned by Author.
- Mislaini. (2019). “Pendidikan Islam di Brunei Darussalam” dalam *Al-Kahfi: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, Vol.4, No.2. Wujud secara online pula di: <http://jurnal.stai-yaptip.ac.id/index.php/alkahfi/article/view/51> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17 Oktober 2019].
- MoE [Ministry of Education]. (1992). *Education in Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Ministry of Education.
- Najtama, Fikria. (2018). “Perkembangan Islam di Brunei” dalam *TASAMUH: Jurnal Studi Islam*, Vol.10, No.2 [September], ms.407-421.
- Osman, Sabihah. (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman, Sabihah, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Haji Hakip. (1995). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Padmore, H.J. (1954). *Proposed Development Plan for Education Department, 1954-1960*. Bandar Brunei: Education Department.
- “Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei, 16 dan 17 April 1962”. *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- PGMB [Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei]. (1962). “Sistem Pelajaran Kita Harus Segara Dirubah” dalam *Majalah Suara Guru*, Bilangan 3, Keluaran Februari.
- Prasetyo. (2011). “Pergerakan Pemuda di Brunei Darussalam, 1946-1962”. *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Depok: Program Studi Ilmu Sejarah FIB UI [Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Pendidikan Indonesia]. Wujud secara online pula di: <http://lib.ui.ac.id/file?file=digital/20173366-S76-Pergerakan%20pemuda.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9 Oktober 2019].
- Ramanathan, K. (1985). *Politik dalam Pendidikan Bahasa, 1930-1971*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ratna, Harini. (2019). “Menuju Wawasan 2035” dalam *Property and the City*, pada 12 September. Wujud secara online pula di: <http://propertyandthecity.com/menuju-wawasan-2035/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 24 Januari 2020].
- Saad, Ibrahim. (1986). *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salman, Abdul Matin bin. (2014). “Kebijakan Kurikulum Studi Islam pada Perguruan Tinggi Islam di Singapura dan Brunei Darussalam”. *Laporan Hasil Penelitian Tidak Diterbitkan*. Surakarta, Jawa Tengah, Indonesia: LPPM IAIN [Lembaga Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat, Institut Agama Islam Negeri] Surakarta. Wujud secara online pula di: <http://eprints.iain-surakarta.ac.id/1728/1/Penelitian%202014.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9 Oktober 2019].
- Sari, Surti Nurpita & Herawati. (2018). “Pemerintahan Sultan Hassanah Bolkih dan Perbankan Islam di Brunei Darussalam, 1984-2015” dalam *THAQĀFIYYĀT*, Vol.19, No.1 [Juni], ms.72-94.
- Singh, D.S. Ranjit. (1991). *Brunei, 1839-1983: The Problem of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press.
- “Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21)”. *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan, 2009.
- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Soong, Kua Kia. (2008). *13 Mei: Dokumen-dokumen Deklasifikasi tentang Rusuhan 1969 Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: SUARAM [Suara Rakyat Malaysia] Komunikasi, diterjemah Seah Li Ling. Wujud secara online juga di: <http://lib.perdana.org.my/PLF/Digitisation> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Oktober 2019].
- Subijanto. (2010). “Kurikulum Persekolahan di Negara Brunei Darussalam” dalam *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*. Wujud secara online juga di: <http://library.um.ac.id/majalah/printmajalah.php/210.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Oktober 2019].
- Sugono, Dendy et al. (2003). *Peranan Bahasa dan Sastra Indonesia/Melayu dalam Pembinaan Masyarakat Madani*. Jakarta: Penerbit Depdiknas [Departemen Pendidikan Nasional]. Wujud secara online pula di: <http://repositori.kemdikbud.go.id/3395/1/Peranan%20>

- Bahasa%20dan%20Sastra%20Indonesia-Melayu [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17 Oktober 2019].
- Sum, Hisham Haji Md. (1993). "Educational Dependency: A Case Study on Brunei Darussalam. *Unpublished Ph.d. thesis*. UK [United Kingdom]: University of Reading.
- Tengah, Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji. (2013). "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21: Isu dan Cabaran di Brunei Darussalam" in *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol.6, No.2 [November], pp.197-208. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, ISSN 1979-0112.
- "Training of Teachers at Batu Lintang School: Siaran Sementara, No.22/1948 Ref.No.(6) in Ed/75/1948, No.406/1948. *Unpublished Government Document*. Available and owned by Author.
- Yahya, Masuriyati & Che Zarrina Sa'ari. (2015). "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 Brunei Darussalam dalam Melestarikan Ketamadunan Islam Negara Zikir: Cabaran dan Harapan" dalam *Afkar*, Volume 16 [Januari-Jun], ms.61-92.
- Yulanda, Novidya. (2019). "Perbandingan Kurikulum Social Studies di Korea Selatan dan Brunei Darussalam" dalam *Research and Development Journal of Education*, Vol.5, No.2 [April], ms.26-38.
- Yusran, Muhammad. (2019). "Kurikulum Pendidikan Islam di Thailand dan Brunei Darussalam: Kajian pada Jenjang Pendidikan Pesantren" dalam *Jurnal Al-Risalah*, Vol.15, No.1 [Januari-Juni], ms.131-160.
- Zed, Mestika. (2004). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].



Dasar SPN21 di Brunei Darussalam
(Sumber: <http://bruneiresources.blogspot.com>, 1/4/2020)

Dasar SPN21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) mempunyai matlamat utama untuk merealisasikan visi Kementerian Pendidikan bagi mengwujudkan pendidikan berkualiti ke arah negara yang maju, aman, dan sejahtera, serta untuk merealisasikan misinya dalam memberikan pendidikan yang holistik bagi mencapai potensi yang penuh bagi semua. Bagaimanapun, dasar ini mendatangkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam di negara Brunei Darussalam, apabila mata pelajaran Agama Islam dan MIB (Melayu Islam Beraja) tidak menjadi mata pelajaran teras, sebaliknya hanya menjadi mata pelajaran pilihan.